

ASNB

Laporan Tahunan



ASB

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X)



ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka surat
I.	Maklumat Tabung	3
II.	Prestasi Tabung	4
III.	Laporan Pengurus	8
IV.	Penyata Pengurus	14
V.	Penyataan Pemegang Amanah	15
VI.	Laporan Juruaudit Bebas	16
VII.	Penyata Kewangan	-
	A. Penyata Untung atau Rugi	20
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	21
	C. Penyata Aliran Tunai	22
	D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	23
VIII.	Alamat Cawangan ASNB	36
IX.	Maklumat Korporat	-

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)**



Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang dihormati,
AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI/ JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Bumiputera	Aset Campuran ¹	Pendapatan

Nota:

1. Berkuatkuasa 1 Mei 2018, kategori tabung telah dipinda dari Ekuiti ke Aset Campuran seperti jadual di atas.

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada toleransi risiko yang minima.

Nota: ASB bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung.

C. PENANDA ARAS TABUNG

Berkuatkuasa 1 Mei 2018, ASB menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12-Bulan ("Maybank 12-bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

(Sumber: www.maybank2u.com.my)

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2018 seramai 9,664,241 individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	7,433,271	76.92	4,122,520,378	2.65
5,001 hingga 10,000	443,439	4.59	2,995,355,075	1.92
10,001 hingga 50,000	901,853	9.33	21,184,981,756	13.60
50,001 hingga 500,000	862,374	8.92	109,154,775,301	70.06
500,001 dan ke atas	23,304	0.24	18,334,245,603	11.77
JUMLAH	9,664,241	100.00	155,791,878,113	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

- i. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung adalah seperti berikut:

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2018	2017	2016
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Barangan Industri	1.75	2.80	2.68
Barangan Pengguna	2.39	2.84	3.39
Hartanah & Pembangunan	5.56	7.33	7.13
Infrastruktur	2.28	2.35	-
Kewangan	27.55	26.24	24.57
Perkhidmatan/Perdagangan	21.01	21.97	32.24

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2018	2017	2016
Perladangan	11.58	12.69	1.36
Sektor-Sektor lain	1.44	1.39	1.55
Jumlah Pelaburan di Pasaran Ekuiti	73.56	77.61	72.92
Pelaburan di Instrumen-Instrumen Lain			
Pasaran Modal:			
a) Sekuriti Berpendapatan tetap dan sekuriti hutang	4.64	3.38	2.74
b) Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	-	0.02	0.02
c) Pelaburan-pelaburan Lain dan Aset Bersih	21.80	18.99	24.32
JUMLAH	100.00	100.00	100.00

- ii. Senarai 20 Pelaburan Terbesar Berbanding Dengan NAB Tabung pada 31 Disember 2018:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	24.11
2.	Sime Darby Plantation Berhad	9.61
3.	Sime Darby Berhad	4.87
4.	Tenaga Nasional Berhad	4.81
5.	Axiata Group Berhad	2.91
6.	Maxis Berhad	2.30
7.	Sime Darby Property Berhad	2.03
8.	CIMB Group Holdings Berhad	1.85
9.	Digi.Com Berhad	1.82
10.	UMW Holdings Berhad	1.78
11.	SP Setia Berhad	1.52
12.	MISC Berhad	1.04
13.	IOI Corporation Berhad	0.91
14.	Petronas Gas Berhad	0.88
15.	Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.88
16.	IHH Healthcare Berhad	0.86
17.	Telekom Malaysia Berhad	0.81
18.	RHB Bank Berhad	0.71
19.	KLCC Property Holdings Berhad	0.40
20.	Velesto Energy Berhad	0.39

Nota: Senarai penuh pelaburan akan disediakan atas permohonan pemegang unit.

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2018	2017	2016
Unit dalam Edaran (Juta)	155,879	145,903	144,443
Kadar Pengagihan (sen seunit)	6.50	7.00	6.75
Bonus (sen) ¹	0.50	0.25	0.50
Bonus Khas (sen) ²	-	1.00	-
Jumlah Pengagihan Pendapatan (RM Juta)	9,837.45	10,177.99	9,652.03
Tarikh Pembayaran	1 Januari	1 Januari	1 Januari
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ³	0.40	0.42	0.42
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ⁴	0.20	0.22	0.16

Nota:

1. Bagi 2016, bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada) berdasarkan kepada purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 10 tahun bermula Januari 2007 sehingga Disember 2016. Bagi tahun 2017 dan 2018 bonus dibayar berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional berhad (PNB).
2. Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.
3. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah disebabkan oleh penurunan dalam kos pentadbiran.
4. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah disebabkan oleh penurunan dalam aktiviti jual-beli saham sepanjang tahun kewangan.

C. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2018		
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	6.50	6.75	7.00
Bonus (sen) ³	0.50	0.42	0.55
Bonus Khas (sen) ⁴	-	0.33	0.20
Penanda Aras (%) ²	3.35	3.40	3.58

Sumber: Novagmi Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- (a) Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan t = tahun semasa
(b) Pulangan 3 tahun = $[i_t + i_{t-1} + i_{t-2}] / 3$
(c) Pulangan 5 tahun = $[i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}] / 5$
- Pengiraan penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras yang terbaru.
- Bagi 2016, bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada) berdasarkan kepada purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 10 tahun bermula Januari 2007 sehingga Disember 2016. Bagi tahun 2017 dan 2018 bonus dibayar berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional berhad (PNB).
- Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

D. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2018	2017	2016	2015	2014
Pengagihan Pendapatan(%) ¹	6.50	7.00	6.75	7.25	7.50
Bonus (sen) ²	0.50	0.25	0.50	0.50	1.00
Bonus Khas (sen) ³	-	1.00	-	-	-
Penanda Aras (%) ⁴	3.35	3.44	3.41	3.84	3.86

Sumber: Novagnti Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
- Bagi 2016, bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada) berdasarkan kepada purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 10 tahun bermula Januari 2007 sehingga Disember 2016. Bagi tahun 2017 dan 2018 bonus dibayar berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional berhad (PNB).
- Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.
- Pengiraan penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras yang terbaru.

E. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan portfolio pelaburan tabung-tabung unit amanah ASNB, PNB telah merangka Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (Strategic Asset Allocation Framework, "SAA"). Mulai 1 Mei 2018, strategi perumpukan aset dan penanda aras tabung akan diselaraskan sejajar dengan kategori tabung dan strategi pelaburan yang baharu. Walaubagaimanapun, objektif pelaburan dan profil risiko tabung tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Dengan ini, para pelabur juga tidak akan terkesan dengan inisiatif yang dilaksanakan. Sila rujuk Prospektus Induk Tambahan Kedua yang telah didaftarkan ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 April 2018.

F. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

G. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG

ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetatif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

B. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASB adalah melabur dalam portfolio kelas aset yang pelbagai terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASB. ASB boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Tabung (Value of Fund) dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walaubagaimanapun, ASB boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung ASB juga dibenarkan untuk melabur dalam pelaburan asing sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan matawang disamping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN

i. Ekuiti

Strategi pelaburan tabung ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan tunai yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif tabung tercapai. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap dan tunai untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan tabung ASB dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah, bagi mengekalkan prestasi tabung dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang kian pulih. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor kewangan, kepenggunaan dan bahan kimia kerana mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan kukuh. Antara syarikat-syarikat yang diberi tumpuan adalah Malayan Banking Berhad, QL Resources Berhad dan Petronas Chemicals Group Berhad. Pada masa yang sama, pelaburan saham juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi dan konsisten seperti sektor utiliti, kewangan dan Dana Pelaburan Hartanah (REIT). Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASB mencapai pulangan yang lebih daripada apa yang dicatatkan oleh penanda aras tabung ini.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, tabung ASB telah meningkatkan pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi mengurangkan risiko portfolio dengan mengambil kira kadar perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Perumpukan aset sekuriti berpendapatan tetap tabung telah meningkat kepada 4.3% pada 31 Disember 2018 berbanding 3.3% yang dicatatkan pada tahun berakhir sebelumnya. Disamping itu juga, tabung ASB telah menjana keuntungan modal melalui hasil penjualan sekuriti berpendapatan tetap terbitan kerajaan (MGS/GII) pada tahap pasaran yang menguntungkan.

Pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada bon terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII). Sementara pembelian bon terbitan korporat antaranya seperti Tenaga Nasional Berhad (AAA), Putrajaya Bina Sdn Bhd (AAA), Public

Islamic Bank Berhad (AAA), Sarawak Energy Berhad (AA1) dan lain-lain terbitan dengan jumlah purata kadar hasil 4.74% yang menepati tahap hasil dan risiko pelaburan. Hasil daripada pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap ini, tabung ASB telah memperolehi pulangan yang terdiri daripada kupon dan juga keuntungan modal yang lebih tinggi berbanding pasaran wang. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, Kadar purata hasil bagi portfolio sekuriti berpendapatan adalah 5.05% dengan purata penarafan kredit "AA2".

Walaupun bagaimanapun, tabung ASB masih mengekalkan pelaburan yang lebih tinggi dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan tetap. Ini bagi membolehkan tabung ASB memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

D. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, pasaran saham global telah mencatatkan penurunan dimana indeks komposit dunia Morgan Stanley (MSCI ACWI) telah mencatatkan penurunan sebanyak -11.2% dalam tempoh tinjauan. Kemerosotan pasaran saham dunia telah dipengaruhi oleh peningkatan kadar keuntungan oleh Amerika Syarikat ("The Federal Reserve") yang menyebabkan kadar hasil perbendaharaan Amerika Syarikat meningkat. Ini ditambah dengan peningkatan ketidakpastian situasi politik dunia terutama di Eropah seperti di Britain dan Itali. Peningkatan ketegangan hubungan perdagangan diantara dua kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan China, juga telah meningkatkan ketidakpastian pasaran saham dunia, dengan kesan langsung kepada pasaran saham China (SSE) yang telah mencatatkan penurunan sebanyak -24.6% sepanjang tempoh tinjauan.

Sejajar dengan peningkatan ketidakpastian pasaran saham dunia, penanda aras utama Malaysia, Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) turut mencatatkan penurunan. FBM KLCI telah mencatatkan penurunan sebanyak 106.2 mata atau -5.9% daripada paras 1,796.81. Dalam tempoh tinjauan, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi 1,895.18 pada 19 April 2018. Namun, FBM KLCI telah merosot sebanyak 10.8% dari paras tertinggi pada penghujung tempoh tinjauan sejajar dengan prestasi yang kurang memberangsangkan pasaran saham dunia dan aliran keluar dana asing dari rantau ini. Pasaran saham Malaysia telah mencatatkan aliran keluar dana asing sebanyak US\$2.9 billion sepanjang tempoh tinjauan.

Kebanyakan penanda aras sektor dalam pasaran Bursa Malaysia turut mencatatkan penurunan. Sektor pembinaan mencatatkan penurunan sebanyak -50.2%, diikuti sektor teknologi yang mencatatkan penurunan sebanyak -29.9% dan sektor hartanah yang turut mencatatkan penurunan -28.6%. Saham-saham utama Bursa Malaysia turut

mencatatkan penurunan ketara, diantaranya adalah Telekom Malaysia yang mencatatkan penurunan sebanyak -56.5%, diikuti Astro Malaysia sebanyak -38.2% dan Axiata Group yang mencatatkan penurunan sebanyak -27.0%. Manakala, saham-saham utama Bursa Malaysia yang mencatatkan peningkatan positif adalah Nestle sebanyak 45.6% diikuti oleh Petronas Chemicals Group Berhad sebanyak 24.7% dan PPB Group Berhad sebanyak 24.3%.

Di rantau ASEAN, semua indeks utama serantau mencatatkan penurunan, dengan prestasi Filipina (PSEI) mencatatkan prestasi terburuk dengan penurunan sebanyak -12.8%, diikuti Thailand (SET) -10.8%, Singapura (STI) -9.8%, Malaysia (KLCI) -5.9% dan Indonesia (JCI) -2.5% bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2018. Di peringkat global, hampir semua pasaran saham utama mencatatkan penurunan dengan prestasi China (SSE) mencatatkan prestasi terburuk sebanyak -24.6%, diikuti Korea (Kospi) sebanyak -17.3%, EU (Stoxx 50) -14.3%, Hong Kong (HSI) -13.6%, Jepun (Nikkei) -12.1% dan US (S&P) -6.2%. Hanya pasaran saham India (NIFTY) mencatatkan peningkatan positif bagi tempoh tinjauan, dengan kenaikan sebanyak 3.2%.

Nilai mata wang ringgit Malaysia telah merosot sebanyak 2.2% kepada RM4.1335/USD pada 31 Disember 2018 berbanding RM4.0465/USD pada 31 Disember 2017. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras terendah RM4.2010/USD pada 28 November 2018, manakala paras tertinggi adalah RM3.8620/USD pada 2 April 2018.

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7% pada tahun 2018, berbanding pertumbuhan 5.9% pada tahun 2017. Penurunan dalam pertumbuhan ekonomi pada tahun 2018 telah disebabkan oleh kemerosotan perbelanjaan sektor awam yang hanya berkembang sebanyak 0.1% (2017: 3.3%). Namun, pertumbuhan negara terus disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang berkembang dengan stabil sebanyak 7.2% (2017: 7.5%) dan jumlah hasil eksport yang mencatatkan kenaikan sebanyak 13.4% berbanding kemerosotan pada tahun 2017 (2017: -1.9%).

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku keempat tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.7% berbanding 4.4% pada suku ketiga 2018. Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang telah mencatatkan pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.6% (suku ketiga: 6.9%). Kadar peningkatan pertumbuhan ekonomi negara juga turut dibantu oleh jumlah hasil eksport yang meningkat sebanyak 9.9% pada suku keempat 2018 (suku ketiga: -7.5%). Manakala, kadar inflasi terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang rendah pada kadar 0.3% di suku keempat 2018 (suku ketiga: 0.5%) terutamanya daripada penurunan kadar inflasi pengangkutan, disamping kesan permansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) dan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Service Tax, SST).

E. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Pada 25 Januari 2018, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Seajar dengan peningkatan ini, Kadar Kuala Lumpur Interbank Offered Rates (KLIBOR) 3-bulan telah meningkat kepada 3.69%, manakala kadar deposit tetap 12-bulan Maybank naik kepada 3.35%.

Sehingga 31 Disember 2018 pasaran modal negara terus mencatat aliran keluar portfolio pelabur asing berikutan perkembangan isu domestik dan global semasa seperti kenaikan kadar keuntungan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, pertikaian perdagangan meningkat di antara Amerika Syarikat dan China yang menimbulkan kerisauan risiko dan kejatuhan nilai Ringgit berbanding Dollar Amerika Syarikat. Aliran keluar dana asing pasaran bon mencatat jumlah RM21.9 bilion dengan pegangan pelabur asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) merosot kepada 38.4% atau RM146.1 bilion berbanding 45.1% atau RM164.4 bilion pada 31 Disember 2017.

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2018, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), mencatatkan peningkatan sejajar dengan kenaikan aliran keluar dana asing. Kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 3.63%, 3.78% dan 4.08%, masing-masing meningkat sebanyak 29, 22 dan 17 mata asas. Sementara itu, aktiviti dagangan pasaran sekuriti bon korporat menjadi perlahan selepas Rizab Persekutuan Amerika Syarikat menaikkan kadar keuntungan sebanyak 4 kali sepanjang tempoh tahun kewangan tabung ASB, iaitu pada Mac, Jun, September dan Disember, 2018. Pasaran sekuriti bon korporat bertaraf AA dan AAA berjangka sederhana dan panjang di antara 3 hingga 10 tahun turut mencatatkan peningkatan kadar hasil antara 5 hingga 8 mata asas selaras dengan sentimen dalam pasaran sekuriti kerajaan.

F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tempoh dua belas (12) bulan akan datang untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, pengurusan ASB menjangkakan pasaran saham akan didagangkan dalam julat yang terhad disokong oleh asas fundamental, kestabilan ekonomi, harga minyak mentah, minyak sawit mentah dan matawang Ringgit. Namun mungkin mencabar disebabkan oleh kebimbangan terhadap polisi perdagangan antara ekonomi-ekonomi besar dunia seperti Amerika Syarikat, China dan situasi tidak menentu "Brexit" di United Kingdom serta Kesatuan Eropah. Peningkatan kadar keuntungan Amerika Syarikat juga dijangka akan menyumbang kepada turun naik pasaran saham. Oleh itu, strategi pelaburan ASB akan memberikan fokus yang lebih kepada ekuiti tetapi selektif, bagi memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

Pelaburan ASB dalam ekuiti akan ditumpukan kepada saham-saham syarikat yang mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa. Untuk mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan dan pulangan dividen yang tinggi, pengurusan tabung ASB akan turut memberi fokus kepada saham-saham yang mempunyai prospek dividen yang tinggi, yang diniagakan dibawah harga wajar. Di samping itu, pengurusan ASB akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan. Bagi mempelbagaikan risiko dalam ekuiti, pengurus ASB akan turut melabur di dalam pasaran ekuiti antarabangsa. Pelaburan dalam ekuiti antarabangsa akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi global dan matawanga asing. Pelaburan ekuiti antarabangsa juga berpotensi memberikan pulangan dalam portfolio.

Pengurus ASB akan terus memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik dari penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Sektor-sektor tersebut termasuklah sektor perladangan sawit, kepenggunaan dan kewangan. Sektor perladangan sawit dijangka mempunyai prospek perniagaan yang baik serta potensi dividen yang memuaskan, sektor kepenggunaan pula dijangka mendapat manfaat dari kestabilan kadar penggunaan domestik. Kestabilan pertumbuhan ekonomi dan permintaan domestik juga dapat mendokong keuntungan dalam sektor kewangan. Pengurus Tabung juga akan terus mencari peluang untuk menjual beli saham-saham yang dijangkakan dapat memberi keuntungan jangka pendek mengikut keadaan pasaran saham.

Bagi tempoh 12 bulan akan datang iaitu tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2019, Pengurus Tabung ASB akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan pasaran wang, disamping memberi pulangan dalam portfolio juga dapat menyediakan mudah tunai untuk operasi harian.

Pengurus tabung ASB akan terus menumpukan pelaburan dalam bon Kerajaan Malaysia dan bon korporat bagi meningkatkan pulangan dana di samping membangunkan strategi perumpukan aset yang menumpu kepada prestasi yang ditetapkan dan sejajar dengan penanda aras. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrument-instrumen sekuriti hutang swasta jangka masa panjang dan sederhana yang bermutu dalam berbagai sektor pilihan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh tabung ASB. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

IV. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang unit
AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2018, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 20 Februari 2019.

TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

20 Februari 2019

**V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah melaksanakan dan mengurus AMANAH SAHAM BUMIPUTERA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Penilaian dan ketentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEE BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia
25 Februari 2019

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2018, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 35.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (SAMB.)

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya (samb.)

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini. Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud

ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/21 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
20 Februari 2019

VII. PENYATA KEWANGAN

A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		1,657,638,533	1,643,323,358
Pendapatan dividen		4,854,890,955	4,454,622,119
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		4,365,707,097	4,709,893,387
Kerugian bersih tukaran asing		(9,516,026)	(2,243,488)
		<u>10,868,720,559</u>	<u>10,805,595,376</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	564,312,122	538,615,855
Yuran pemegang amanah	6	1,000,000	772,222
Ganjaran juruaudit		27,000	27,000
Yuran ejen cukai		4,200	3,500
Perbelanjaan pentadbiran		76,182,615	113,171,613
Rosot nilai pelaburan		397,229,954	-
		<u>1,038,757,891</u>	<u>652,590,190</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI	7	9,829,962,668	10,153,005,186
		<u>-</u>	<u>-</u>
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>9,829,962,668</u>	<u>10,153,005,186</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>9,837,446,035</u>	<u>10,117,997,019</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>6.50 sen</u>	<u>7.00 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 Januari 2019</u>	<u>1 Januari 2018</u>
Pendapatan bersih selepas cukai			
Ternyata		9,830,236,495	10,154,543,659
Tidak Ternyata		(273,827)	(1,538,473)
		<u>9,829,962,668</u>	<u>10,153,005,186</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		9,829,962,668	10,153,005,186
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		<u>9,829,962,668</u>	<u>10,153,005,186</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		9,830,236,495	10,154,543,659
Tidak ternyata		<u>(273,827)</u>	<u>(1,538,473)</u>
		<u>9,829,962,668</u>	<u>10,153,005,186</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

C. PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	31,414,487,779	31,100,696,262
Pembelian pelaburan	(32,992,964,620)	(35,224,899,540)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(32,812,257,048)	(30,809,434,539)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	30,809,434,539	41,718,716,993
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,948,312,200	1,328,033,489
Pendapatan dividen diterima	4,519,294,742	4,427,422,396
Pembayaran yuran pengurusan	(577,711,201)	(570,454,887)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(1,030,000)	(774,389)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(76,435,037)	(80,422,022)
Cukai dikembalikan	10,130,068	-
Tunai bersih dihasilkan dalam daripada aktiviti operasi dan pelaburan	2,241,261,422	11,888,883,763
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	3,257,702,981	1,907,968,160
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(3,400,000,000)	(10,100,000,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(142,297,019)	(8,192,031,840)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	2,098,964,403 (9,511,457)	3,696,851,923 (2,243,488)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	4,499,421,110	804,812,675
	6,588,874,056	4,499,421,110
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	201,842,332	656,156,706
Deposit dengan institusi kewangan	39,199,288,772	34,652,698,943
	39,401,131,104	35,308,855,649
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(32,812,257,048)	(30,809,434,539)
	6,588,874,056	4,499,421,110

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

VII. PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

D. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2018

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 21 Oktober 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7.1 Suratikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 21 Oktober 1989, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 12 Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 20 Februari 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali bagi pengecualian tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan preskripsi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk mengguna pakai MFRS 9 Financial Instruments dan MFRS 7 Financial Instruments Disclosures. Berdasarkan preskripsi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada syarikat dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standard Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

b) Pelaburan

i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam Penyata untung atau rugi.

ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga.

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan dikira di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat dimana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Walau bagaimanapun, kaedah ekuiti perakaunan tidak digunakan kerana Unit Amanah tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasa dan mempengaruhi syarikat-syarikat tersebut disebabkan perkara-perkara berikut.

- a. Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menyatakan bahawa hak untuk mengundi yang mewakili saham-saham yang dipegang oleh Unit Amanah, pada bila-bila masa pemilihan untuk pelantikan mana-mana pengarah didalam syarikat yang dipegang, boleh diputuskan oleh Pengurus Unit Amanah atau Pemegang Amanah dengan syarat pemegang-pemegang unit memberi kuasa melalui resolusi majoriti dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit yang diadakan untuk tujuan ini sahaja, seperti yang diperuntukan oleh suratikatan.
- b. Surat ikatan menyatakan bahawa korum bagi mesyuarat perlu dihadiri oleh pemegang-pemegang unit atau wakil-wakil yang didaftarkan dimana pegangan unit mereka yang hadir berjumlah tidak kurang dari satu per-empat daripada unit dalam edaran. Memandangkan jumlah pemegang-pemegang unit Unit Amanah yang terlalu ramai, adalah tidak munasabah untuk memanggil mesyuarat pemegang unit bagi tujuan memberi kuasa kepada Pengurus dan Pemegang amanah menggunakan kuasa untuk mengundi pada mana-mana pemilihan untuk pelantikan pengarah disyariat-syarikat berkenaan.

Memandangkan Unit Amanah tidak berupaya untuk membuat undian bagi tujuan mendapatkan wakil didalam lembaga pengarah, Unit Amanah dianggap tidak berkeupayaan untuk menggunakan kuasa dan pengaruh yang signifikan keatas syarikat-syarikat berkenaan.

iii) Instrumen Pasaran Kewangan

Sijil hutang Islam boleh niaga dinyatakan menurut harga kos diselarakkan untuk kadar keuntungan efektif, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan didalam penyata untung atau rugi.

iv) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Keuntungan daripada penjualan pelaburan ialah perbezaan diantara nilai bersih dan nilai bawaan pelaburan.

g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian")

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan didalam pelaburan yang didenominasi dalam RM

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi dimana urusaniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf didalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama didalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh dimana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf didalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf didalam OCI atau penyata untung atau rugi).

h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

a) Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya perlu dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan diantara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan yang merosot.
- ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM 397,229,954 (2017: Tiada)

5. YURAN PENGURUS

Klausa 25(8), Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurus dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sebanyak 0.35% (2017: 0.35%) daripada NAB Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa. Berkuasa dari 15Jun 2017, yuran pemegang amanah meningkat kepada RM1,000,000 setahun daripada RM500,000 setahun, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2018 ditetapkan pada RM1,000,000 (2017: RM772,222).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b))Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 hingga tahun berikutnya.

Disebabkan oleh pengecualian cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2018 RM	2017 RM
Peruntukan pengagihan	9,837,446,035	10,117,997,019

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Disember 2018 sebanyak 6.50 sen (2017: 7.00 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,657,638,533	1,643,323,358
Pendapatan dividen	4,854,890,955	4,454,622,119
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	4,365,707,091	4,674,885,220
Kerugian bersih tukaran asing	(9,516,026)	(2,243,488)
Keuntungan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	7,483,367	-
	10,876,203,928	10,770,587,209
Tolak: Perbelanjaan	(1,038,757,891)	(652,590,190)
Jumlah pengagihan	9,837,446,035	10,117,997,019
Pengagihan kasar dan bersih seunit	6.50 sen	7.00 sen

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2018		2017	
	Unit	RM	Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	145,903,000,000	145,903,000,000	144,443,000,000	144,443,000,000
Penjadian unit untuk:				
Jualan	2,950,000,000	2,950,000,000	1,600,000,000	1,600,000,000
Pelaburan semula pengagihan	10,117,997,019	10,117,997,019	9,652,031,840	9,652,031,840
Pelaburan semula bonus	307,702,981	307,702,981	307,968,160	307,968,160
	<u>13,375,700,000</u>	<u>13,375,700,000</u>	<u>11,560,000,000</u>	<u>11,560,000,000</u>
Pembatalan unit	(3,400,000,000)	(3,400,000,000)	(10,100,000,000)	(10,100,000,000)
Pada akhir tahun	<u>155,878,700,000</u>	<u>155,878,700,000</u>	<u>145,903,000,000</u>	<u>145,903,000,000</u>

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2018, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2018, PNB secara sah memegang 86,821,887 (2017:46,840,561.31) unit, merangkumi 0.06% (2017: 0.03%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

10. URUSNIAGA DENGAN PNB

	2018	2017
	RM	RM
Pembelian pelaburan	2,943,000,000	3,416,067,849
Penjualan pelaburan	<u>2,336,500,000</u>	<u>3,792,870,872</u>

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM'000	%	RM'000	%
Maybank Investment Bank Berhad *	9,497,485	17.04	6,419	17.32
Maybank Islamic Berhad*	7,924,754	14.21	-	-
CIMB Investment Bank Berhad *	4,106,549	7.37	3,027	8.16
MIDF Amanah Investment Bank Berhad*	2,988,329	5.36	1,626	4.39
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	2,718,116	4.87	2,739	7.39
Affin Hwang Investment Bank Berhad *	2,360,296	4.23	1,726	4.66
Kenanga Investment Bank Berhad	2,282,036	4.09	1,369	3.69
AmlInvestment Bank Berhad*	2,098,172	3.76	1,902	5.13
Nomura Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	2,076,806	3.72	2,319	6.25
Alliance Investment Bank Berhad	1,965,359	3.52	1,591	4.29
Lain-lain	17,750,142	31.83	14,354	38.72
	55,768,044	100.00	37,072	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanannya biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2018	2017
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.20 kali	0.22 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang bertlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2018	2017
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.40%	0.42%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang bertlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar keuntungan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya. Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Kadar Keuntungan

Risiko kadar keuntungan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitive terhadap kadar keuntungan yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

VIII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

PERLIS

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 **Kangar**, Perlis
Tel: 04- 9781 110/111/977 5702/8332
Faks: 04-9760 800

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Berhad
No.12, Jalan Todak 3,
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 **Seberang Jaya**, Pulau Pinang
Tel: 04-3994 378/381
Faks: 04-3994 404

Amanah Saham Nasional Bhd
A-12A-1 & A-12A-2
Lorong Bayan Indah 4
Bay Avenue
11900 **Bayan Lepas**
Pulau Pinang
Tel : 04-6406 522 / 04-6406 523
Fax : 04-6406 520

PERAK

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 273 Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 **Teluk Intan**, Perak
Tel: 05-6215 153/158
Faks: 05-6215 150

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 8 & 8A,
Persiaran Greentown 1,
Greentown Business Centre,
30450 **Ipoh**, Perak
Tel: 05-249 6242, 05-249 6245, 05-249 6246
Faks: 05-249 6249

KEDAH

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 27, Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
05250 **Alor Setar**, Kedah
Tel: 04-7310 770/1012
Faks: 04-7314 140

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Amanah Saham Nasional Berhad

Kaunter Utama ASNB
Tingkat 1, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 **Kuala Lumpur**
Tel: 03-2050 5500
Faks: 03-2161 8852

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
Presint 3, Persiaran Perdana
62675 **Putrajaya**, Selangor
Tel : 03-8890 4880
Faks : 03-8890 4890

SELANGOR

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 18-1 & 18-2,
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen 11
40000 **Shah Alam**, Selangor
Tel: 03-5510 3155, 03-5512 1366
Faks: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad

No.7 Jalan Medan Niaga 2
Medan Niaga Kuala Selangor
45000 **Kuala Selangor**
Selangor
Tel: 03-3281 4121/ 03-3289 4121/3121
Faks: 03-3281 3221

Amanah Saham Nasional Berhad (UTC Selangor)

Lot, 2-17(A), Tingkat 2,
Anggerik Mall, No. 5
Jalan 14/8, Seksyen 14
40000 **Shah Alam**, Selangor
Tel: 03-5523 0798

MELAKA

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim
Jalan KPAA 1, **Bukit Baru**
75150 Melaka
Tel: 06-2827 361/2840 690
Faks: 06-2839 940

JOHOR

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 12, Jalan Maju, Taman Maju
83000 **Batu Pahat**, Johor
Tel: 07-4331 700/701/709
Faks: 07-4331 712

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2
Uda Business Centre
81200 **Johor Bahru**, Johor
Tel: 07-2346 764/2346 763/2346 762
Faks: 07-2370 077

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah
Taman Muhibbah,
85000 **Segamat**, Johor
Tel: 07-9315 548/903
Faks: 07-9315 542

NEGERI SEMBILAN

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 120 & 121,
Jalan Dato' Bandar Tunggal,
70000 **Seremban**, Negeri Sembilan,
Tel: 06-763 8546/762 6239
Faks: 06-7633 384

TERENGGANU

Amanah Saham Nasional Berhad

No 15, Jalan Batas Baru
20300 **Kuala Terengganu**, Terengganu
Tel: 09-6301 500/501
Faks: 09-6301 506

KELANTAN

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan
15350 **Kota Bharu**, Kelantan
Tel: 09-7419 900/7419 909
Faks: 09-7446 663

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 52, 52A & 52B,
Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5,
16800 **Pasir Puteh**,
Kelantan Darul Naim,
Tel: 09-785 5750/5751
Faks: 09-785 5757

PAHANG

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 71 & 73, Tingkat Bawah
Jalan Tun Ismail
25000 **Kuantan**, Pahang
Tel: 09-5178 340/341
Faks: 09-5136 694

Amanah Saham Nasional Berhad

No.8, Jalan Ahmad Shah
Bandar Seri Semantan
28000 **Temerloh**, Pahang
Tel: 09-2901 460/1462
Faks: 09-2901 466

SABAH & SARAWAK

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 55, Tingkat Bawah & 1,
Blok G Asia City Phase 1B
88000 **Kota Kinabalu**, Sabah
Tel: 088-257 725/241 011
Faks: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Berhad

TB 4287 & TB 4280
Tingkat Bawah & 1 Town Ext II
Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau
91000 **Tawau**, Sabah
Tel: 089-779 389/390/391
Faks: 089-776 600

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah,
Lot 1, Circular Blok A Harbour Town,
Jalan Pantai,
91100 **Lahad Datu**, Sabah
Tel: 089-863680/681/672/673
Faks: 089-863675

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 8 & 9, Blok B,
Pusat Komersil Datun,
Jalan Masak, 89008 **Keningau**, Sabah
Tel: 087-336 629/618/621/616
Faks: 087-336 619

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 15, Tingkat Bawah,
Bandar Pasaraya, Fasa I,
90000 **Sandakan**, Sabah
Tel: 089-223 530 & 089-210 486
Faks: 089-210 597

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat Bawah,
Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre,
Seksyen 6, Jalan Kulas,
93400 **Kuching**, Sarawak
Tel: 082-250 389, 082-410 210
Faks: 082-250 313

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 886 & 887, Block 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 **Miri**, Sarawak
Tel: 085-423 746/419 984
Faks: 085-423 384

Amanah Saham Nasional Berhad

No. 58, Lot 2326
BDA/Shahida Commercial Centre
Bintulu Town, 97008 **Bintulu**,
Sarawak
Tel: 086-317 461/468
Faks: 086-317 485

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1457 & 1458
Sg. Kudang Shophouse
Ground Floor, Jalan Buangsiol
98700 **Limbang**, Sarawak
Tel: 085-210570/571/572/573
Faks: 085-210577

Amanah Saham Nasional Berhad

4C, Ground Floor
Lot 832 Jalan Sabu
95000 **Sri Aman**, Sarawak
Tel: 083-321 742
Faks: 083-323 233

Amanah Saham Nasional Berhad

Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 **Sibu**, Sarawak
Tel: 084-314 967
Faks: 084-322 497

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

PEGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
Anak syarikat milik penuh:
Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)
(berkuatkuasa 19 Julai 2018)
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
Dato Dr. Nik Ramli binti Nik Mahmood
Datuk Seri Dr. Nik Norzuli Thani bin Nik Hassan Thani
Encik Mohammad bin Hussin

PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Abdul Rahman bin Ahmad

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH EKSEKUTIF

Encik Mohammad bin Hussin

SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN

Puan Adibah Khairiah binti Ismail @ Daud
(MIA 13755)

PEGAWAI PEMATUHAN

Encik Zulkafli Bin Hamid

PEMEGANG AMANAH

Amanah Raya Trustees Berhad (766894-T)

JURUAUDIT

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad

BANK

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Zain & Co.
Tetuan Zainal Abidin & Co.
Tetuan Marzuki Spawi & Co. (Sabah)
Tetuan Hamzah & Ong Advocates (Sarawak)

EJEN

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad
RHB Bank Berhad
RHB Islamic Bank Berhad
POS Malaysia Berhad
Maybank Islamic Berhad
Bank Simpanan Nasional
Affin Bank Berhad
Alliance Bank Malaysia Berhad
AmBank (M) Berhad
AmBank Islamic Berhad
Bank Muamalat Malaysia Berhad
Hong Leong Bank Berhad
Hong Leong Islamic Bank Berhad

Atau Layari

www.myasnb.com.my
Maybank2u.com
CIMB Clicks
affinOnline.com
RHBNow

www.asnb.com.my

